



PRAKTIKAL BERGAYA

# IMPIANA

20 Cara Atasi Dilema Kediaman Sempit

Interior

Kontemporari Urban

Keaslian Tata Hias Tropika

Koordinasi Mantap Berkonsep Balinese Zen

Nilai Asia Dalam Cita Rasa Antarabangsa

## dekorasi kreatif di tempat kerja

PERSEKITARAN SEGAR JANA PRODUKTIVITI • RINGKAS & BERKARAKTER: PENAMPILAN BERBEZA UNTUK PEJABAT • ELEMEN PENTING UNTUK TAMAN DI DALAM PEJABAT

MENANGI PERADUAN MENCARI COVER TERBAIK

MAC 2005 | EDISI 67

ISSN 1675-0403



03

9 771675 040011

[www.karangkraf.com/impiana](http://www.karangkraf.com/impiana)



PENYELARAS & PENULIS: FAIZAL ODA JURUFOTO: JASMI BABA

## tropika sezaman IDENTITI DEKORASI

Kadang-kadang dengan ilmu yang ada, mematangkan kita di dalam menilai harga sesebuah budaya pusaka bangsa. Tambahan pula ilmu seni bina dan hiasan dalaman yang mengkaji dari mana asal identiti bangsa. Mungkin tidak ramai yang terfikir untuk mengabadikan konsep yang membabitkan elemen tradisi dan budaya sekitar untuk sesebuah pejabat. Tetapi, di pejabat yang dikunjungi IMPIANA ini kali ini mengambil ilham dan identiti bangsa sebagai teras di dalam rekaannya untuk pelanggan. IMPIANA membuat temu janji dengan Almaz Salma Abdul Rahim, pemilik Almaz Architect, untuk menjengah kehebatan dekorasi firma beliau.

TERLETAK di Plaza Crystalville Desa Sri Hartamas, Almaz Architect merupakan sebuah firma yang terkenal dengan rekaan seni bina bercirikan tropika sezaman. Berdasarkan nilai yang teguh daripada segi identiti dan konsep, gaya yang sinonim dengan hasil kerja firma diterap kembali ke dekorasi pejabat. Mempunyai keluasan sekitar 1800 kaki persegi, firma yang disertai ramai arkitek wanita berbakat ini, dibahagikan kepada dua aras. Aras pertama adalah ruang khas untuk urusan rasmi dan lain-lain hal yang membabitkan pelanggan. Dibahagikan kepada tiga bahagian utama, pelanggan, pekerja atau tetamu boleh dihubungkan terus ke kamar mesyuarat, kamar Almaz sendiri dan perpustakaan bagi tujuan kaji selidik dan perbincangan.



Idea bijak! Kotak cahaya digabungkan dengan gambar pepohon kelapa bukan sahaja menggantikan kenangan dan keindahan di desa, tetapi memberi pandangan ruang menunggu yang lebih luas dan eksklusif. Biar pun lokasi pejabat berada di pusat bandar, tetamu yang hadir pasti terasa seperti di resort mewah.



Adunan semula jadi tropika. Pilihan batu Palimanan licin dari Indonesia dikenakan pada lantai. Manakala jenis yang agak kasar dijadikan pada dinding. Koridor juga diserikan dengan batu quartz pada dinding agar membayangkan reka bentuk geologi sekitar rantau ini. Susur jalan koridor diperhebatkan lagi dengan slate hitam dan taburan batu kerikil bergilang dan batu sungai sebagai penambah seri.



## MEMUJI KEINDAHAN TROPIKA

Melangkah masuk ke pejabat ini, pandangan mata pasti akan terlontar pada dek yang dibina sekitar empat inci. Dinding utama juga disudahkan dengan binaan hiasan papan berona semula jadi. Dek ini menempatkan sofa tiga tempat duduk dan tiga buah kerusi kayu buatan era zaman selepas perang dunia kedua. Dek tersebut bukan sahaja berjaya mewujudkan sebuah ruang lain tanpa adanya pemidang, tetapi mengimbas kembali ingatan kepada kediaman tradisi Melayu. Apatah lagi di kiri dan kanan sayap dek dibina jendela setinggi tujuh kaki labuh ke lantai lengkap dengan susur tangannya. Jendela ala kediaman desa ini turut disudahkan dengan gambar pemandangan pepohon kelapa yang melambai bagi menguatkan konsep kedesaan.

Melepas dek tersebut, ruang dibahagikan kepada dua. Kita akan meniti titi yang dihiasi taburan batu dan sejambak bunga halia agar suasana lebih semula jadi. Kehadiran dinding kaca berdekatan kawasan tersebut, berjaya menampakkan suasana lebih luas. Berapa kerap anda melihat kerusi kopitiam diabadikan sebagai kerusi kamar mesyuarat? Mungkin dirasakan agak janggal tetapi, tidak bermakna tidak boleh digunakan atau tidak cantik.

Terdapat tiga jendela berbentuk segi empat sama yang menghubung terus ke kamar pemiliknya. Warna hijau epal dengan teknik mengecat ala bercapuk menyemarakkan suasana agar tidak terlalu keras.

Di aras bawah juga ditempatkan perpustakaan khas bagi arkitek mencari inspirasi dan membuat kajian. Rak buku yang ditutup dengan pintu yang dilengkapi dengan cermin, memberi sedikit keluasan biar pun ia hanya sebuah ilusi. Kamar perpustakaan juga dipisahkan dengan dinding berjendela kaca luas. Ia bukan sahaja tidak menyesakkan mata tetapi ruang tampil lebih profesional.

Menyusuri ruang atas di aras kedua, ia merupakan kawasan kerja kakitangan firma. Pemidang pasang siap dengan pilihan rona merah jambu tegas dan hijau merak menghidupkan suasana. Paling tidak, menyuntik sedikit tenaga kepada pekerja untuk bekerja dengan lebih bersemangat. Menariknya di kawasan yang dipenuhi dengan pemidang ini, adalah pokok renek yang bergayutan, menghiasi pemidang. Ruang yang dibahagikan di antara kerja-kerja mereka bentuk dan pengurusan ini sememangnya tampil begitu amali dalam pada masa yang sama tidak melupakan soal dekorasi yang selari dengan aktiviti.

